

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

3. Sejauh manakah Kerajaan Negeri menggunakan teknologi untuk mengurus tadbir tentang quarantines dan penjarakan sosial?
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan teknologi untuk mengesan taburan *face masks* yang masih boleh didapati di pasaran?
  - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh mencapai ke matlamat negeri pintar khasnya dalam krisis wabak virus COVID-19?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Antara kaedah teknologi yang digunakan Kerajaan Negeri untuk mengurus tadbir kuarantin dan penjarakan sosial adalah seperti berikut:-
  - (i) Melakukan informasi grafik berkenaan arahan-arahan terbaru Kerajaan Negeri dan MBSP berkaitan penjarakan sosial di pasar awam dan premis perniagaan bagi dihebahkan kepada orang awam melalui media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram serta melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram.
  - (ii) Melakukan sesi Facebook *live* bagi tujuan penerangan mengenai arahan-arahan terbaru Kerajaan Negeri serta MBSP berkenaan penjarakan sosial di pasar awam dan premis perniagaan serta sesi soal jawab bersama penonton.

- (iii) Mengedar notis dan video pada skrin LED / Skrin Layar untuk tayangan video kesedaran tentang penjarakan sosial dan penularan wabak COVID-19.
- (a) Setakat ini Kerajaan Negeri masih belum ada sebarang teknologi untuk mengesan taburan *face masks* yang masih boleh didapati di pasaran. Namun Kerajaan Negeri sering berhubung terus dengan pihak KPDNHEP negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan maklumat dan taburan terkini berkaitan pengedaran dan penjualan *face masks* ini di pasaran tempatan untuk dihebahkan kepada masyarakat umum.
- (b) Untuk mencapai matlamat negeri pintar khasnya semasa krisis wabak virus COVID-19 ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan komitmen dan sumber kewangan yang mencukupi untuk kesinambungan sistem pintar itu. Namun, antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mencapai hasrat ini adalah seperti berikut:-
- (i) Memperkemaskan/ memperbanyakkan perkhidmatan dalam talian supaya perkhidmatan dapat diberi kepada orang ramai pada setiap masa tanpa sebarang gangguan dan kelajuan yang munasabah;
  - (ii) Melaksanakan mesyuarat-mesyuarat secara atas talian tanpa melibatkan perjumpaan secara langsung;
  - (iii) Menyediakan dan memperincikan data-data yang lengkap dan mudah dicapai secara dalam talian kepada semua pihak bagi melicinkan pentadbiran dan penyampaian maklumat;
  - (iv) Perkongsian data dan maklumat dari syarikat-syarikat farmasi dan makmal-makmal dari negeri ini dengan negeri-negeri atau negara lain untuk menjana pendapat dan cadangan dalam membentuk satu sistem membasmi virus ini; dan
  - (v) Penggunaan Thermal Camera di pintu masuk lapangan terbang dan pelabuhan sekaligus mengaktifkan semua aplikasi Internet of Things (IOT)

untuk mewujudkan satu maklumat lengkap pesakit yang didapati positif COVID-19 sekaligus dapat mewujudkan satu sistem pengurusan penularan wabak ini dengan lebih baik.